

# KENYATAAN MEDIA

---

## **PENANGGUHAN KENAIKAN TOL DI 21 LEBUHRAYA DAN PLAZA TOL**

Kementerian Kerja Raya menyambut baik pengumuman daripada Kementerian Kewangan berkenaan penangguhan kenaikan tol bagi tahun 2019 dan pemansuhan tol lorong motosikal mulai 1 Januari 2019. Ini adalah selari dengan syor Kementerian Kerja Raya yang telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Disember 2018 yang lalu dan pengumuman Belanjawan Tahun 2019.

Cadangan penangguhan kadar tol ini dilihat sebagai satu kaedah berterusan Kerajaan bagi mengekang kenaikan kos sara hidup rakyat. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk mengurangkan bebanan bayaran tol pengguna. Langkah ini bagaimanapun hanya boleh dilaksanakan setelah kewangan Kerajaan berada pada tahap yang stabil dan mengizinkan.

Sehubungan itu Jemaah Menteri pada 31 Oktober 2018 yang lalu setelah menimbangkan hala tuju industri lebuhraya bertol di negara ini, telah bersetuju memutuskan supaya Kementerian Kerja Raya mengemukakan cadangan mekanisme terbaik untuk mencapai matlamat tersebut dalam masa enam bulan akan datang.

Kementerian Kerja Raya akan melantik juru perunding audit bebas bertauliah pada awal bulan Januari 2019 bagi membantu Kerajaan menganalisis data dan cadangan berkenaan. Ini termasuklah mengemukakan cadangan mengurangkan beban tol secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Hasil kajian itu dijangka akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri pada bulan Mei 2019 nanti.

**TUAN BARU BIAN**  
**MENTERI KERJA RAYA**  
**28 DISEMBER 2018**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my